

# LEGAL NEWSLETTER

## ADAKAH PESANAN WHATSAPP BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN BUKTI DI MAHKAMAH?



### Pannir Selvam a/l Sinnaiyah & Anor v Tan Chia Foo & Ors [2021] 7 MLJ 384



#### a. Fakta Relevan:

- Pihak Plaintif dalam kes ini telah memasuki satu perjanjian ("Perjanjian") untuk penjualan satu hartanah kepada Defendan Pertama ("Hartanah");
- Hartanah tersebut telah dipindahmilik kepada Defendan Pertama yang mana Defendan Pertama telah memindahmilik Hartanah tersebut kepada Defendan Kedua;
- Pihak Plaintif telah menyatakan bahawa Perjanjian tersebut adalah transaksi palsu dan pinjaman wang haram;
- Pihak Plaintif telah mengemukakan, antara lain, pesanan WhatsApp sebagai bukti untuk menyokong kes mereka.

#### b. Keputusan:

Mahkamah telah mendapati bahawa pesanan Whatsapp adalah relevan dan boleh diterima dan selanjutnya menyatakan seperti berikut:

*"(3) Mahkamah bersetuju dengan pendapat plaintif berdasarkan kesaksamaan dengan kes Lim Choon Hau v Simpson Wong di mana mahkamah memutuskan bahawa pesanan WhatsApp adalah bukti secara langsung penerimaan wang sebagai pinjaman persahabatan dari pihak plaintif. Dokumen yang dihasilkan oleh komputer masih boleh diterima sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat di bawah s 90A Akta Keterangan, sekiranya ianya boleh diterima di bawah pengecualian lain pada peraturan terhadap dengar cakap. Mahkamah berpendapat bahawa pesanan WhatsApp adalah relevan dan dapat diterima kerana ia menunjukkan hubungan dengan fakta-fakta dalam isu sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama. Ini menyebabkan penggunaan s 6 Akta Keterangan (lihat perenggan 57, 61 & 67)."*

### Animesh Kumar Dev Ajoy Kumar Dev v. Jardine Shipping Services (Malaysia) Sdn Bhd [2018] MELRU 779

Mahkamah telah mengambil kira pesanan WhatsApp untuk menyatakan bahawa satu surat pengantungan telah diserahkan kepada Penuntut. Mahkamah menyatakan seperti berikut:

*"[11]... Pesanan WhatsApp daripada COW2 yang dihantar terus kepada telefon bimbit Penuntut dan akuan daripada Penuntut kepada COW2 merupakan bukti bahawa pihak Responden telah menyerahkan surat pengantungan tersebut dan Penuntut telah diberikan notis tentang pengantungan tersebut..."*

## ADAKAH PESANAN WHATSAPP BOLEH DICABAR DI MAHKAMAH?

### Mok Yii Chek v Sovo Sdn Bhd & Ors [2015] MLJU 2374.

Mahkamah menyatakan bahawa sekiranya terdapat pertikaian di antara pihak-pihak mengenai kesahihan pesanan WhatsApp, pesanan WhatsApp tersebut boleh diterima sebagai bukti sekiranya kriteria-kriteria tersebut dipenuhi:

- Pesanan WhatsApp tersebut melibatkan kewujudan atau tiada kewujudan satu fakta persoalan ataupun pesanan WhatsApp tersebut adalah relevan (lihat Seksyen 3 dan Bab 2 Akta Keterangan 1950); dan
- Pihak yang mengemukakan pesanan WhatsApp sebagai bukti perlu memenuhi keperluan di bawah Akta Keterangan 1950.

### Mohamad Azhar Bin Abdul Halim v Naza Motor Trading Sdn. Bhd [2017] ILJU 8

Mahkamah telah mendapati bahawa gambar WhatsApp tidak dapat membuktikan bahawa Penuntut dalam kes ini telah mempunyai satu perbualan WhatsApp dengan seorang saksi oleh kerana, antara lain, seperti berikut:

- Tiada tarikh dalam gambar WhatsApp tersebut; dan
- Tiada nama, nombor telefon ataupun gambar profil Penuntut tersebut ataupun apa-apa bukti lanjut yang membuktikan adanya perbualan WhatsApp di antara Penuntut dan saksi tersebut.

Dalam kes ini, saksi tersebut telah menukar telefon bimbit dan tidak dapat menunjukkan pesanan WhatsApp yang asal.

## KUNCI-KUNCI PENTING

a) Pesanan WhatsApp boleh dikemukakan di Mahkamah sebagai bukti namun pihak Mahkamah boleh menolak atau menerima pesanan WhatsApp tersebut berdasarkan fakta dan undang-undang.

b) Adalah dinasihatkan supaya tidak mengemukakan pesanan WhatsApp semata-mata sebagai bukti untuk membuktikan atau membela kes.

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan atau perselisihan antara teks Bahasa Melayu dengan teks Bahasa Inggeris, teks Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi teks Bahasa Melayu.

Pengecualian: Artikel ini disediakan oleh individu dalam Jabatan Undang-Undang serta merupakan pandangan peribadi mereka dan tidak akan terjumlah sebagai nasihat undang-undang. Dengan itu, CBP tidak akan bertanggungjawab terhadap isi kandungan artikel ini.